



SIARAN MEDIA

NATIONAL SCIENCE CHALLENGE 2024 MEMACU ERA TRANSFORMASI DIGITAL: MERINTIS INOVASI DAN PENYELESAIAN MAMPAN

KUALA LUMPUR, 17 APRIL 2024 – Pendaftaran bagi *National Science Challenge* (NSC) 2024 kini dibuka. Dari 1 April hingga 31 Mei 2024, semua pelajar dijemput untuk mendaftar kuiz sains premier ini yang membawa tema “Memacu Era Transformasi Digital: Merintis Inovasi dan Penyelesaian Mampan.” NSC merupakan pertandingan sains kebangsaan tahunan yang dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

NSC 2024 terbuka kepada semua pelajar warganegara yang berumur 13 hingga 16 tahun (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4). Semua peserta NSC bakal menerima sijil penyertaan yang membawa markah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan, dan Kokurikulum (PAJSK) peringkat kebangsaan. Juara NSC akan membawa pulang Piala Pusingan Cabaran YAB Perdana Menteri, lawatan sambil belajar ke luar negara yang ditaja penuh, biasiswa pendidikan NSC, dan hadiah-hadiah lain.

NSC dianjurkan dengan tujuan memupuk minat STEM di kalangan pelajar sekolah dalam menangani isu nasional berkenaan penurunan peratusan pelajar sekolah menengah yang mengambil aliran sains tulen. Kebanyakan pelajar yang menyertai pertandingan NSC sebelum ini didapati telah melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di dalam bidang STEM. Ini secara tidak langsung telah menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang berdaya saing dan maju melalui penghasilan lebih ramai bakat STEM tempatan. Semenjak tahun 1999, NSC telah merekodkan penyertaan dengan anggaran sebanyak 150,000, di mana penyertaan tertinggi telah direkodkan pada tahun lepas dengan jumlah pendaftaran sebanyak 29,664.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Chang Lih Kang, “NSC merupakan program anjuran ASM yang melengkapi kurikulum sedia ada di sekolah, khususnya pembudayaan STEM yang bersifat luar bilik darjah. NSC menawarkan pendekatan *hands-on* dan program mentor secara langsung daripada pakar akademik dan industri. Bersempena tema pada tahun ini, NSC memberi penekanan kepada elemen daya cipta dan kesiapsiagaan negara bagi menghadapi kerancakan Revolusi Industri 4.0. Ini melibatkan peningkatan penggunaan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence* (AI), robotik, automasi, data raya dan analitik

yang canggih. Teknologi-teknologi ini menjadi platform bagi memupuk bakat muda boleh suai dalam STEM dan menyediakan mereka dengan pengetahuan terkini dan teknologi penting dalam menangani masalah negara seperti perubahan iklim dan keterjaminan makanan.”

Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc berkata, “NSC tidak hanya menitikberatkan penguasaan pengetahuan di kalangan pelajar tetapi juga menekankan kemahiran berfikir secara kritikal dan berkomunikasi secara efektif. Pemilihan tema NSC setiap tahun sentiasa berkait rapat dengan isu semasa, supaya ia dapat memberikan inspirasi kepada pelajar tentang bagaimana ilmu yang dipelajari dapat diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan seharian. Tema yang dipilih pada tahun ini adalah seiring dengan usaha memupuk bakat STEM untuk masa depan, ini penting kerana era digitalisasi kini membentuk dunia kita dengan pantas, terutamanya pada era pasca-normal ini. Teknologi baru muncul, seperti AI, bukan sahaja membawa pelbagai jenis potensi tetapi juga membawa risiko jika tidak diuruskan secara bijak. Jadi, matlamat utama NSC pada tahun ini adalah menyediakan bakat muda kita untuk menghadapi masa depan berpacuan digital yang dapat membentuk negara berteknologi tinggi.”

NSC 2024 menggalakkan semua sekolah menghantar lebih daripada satu pasukan. Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada tiga orang pelajar dan seorang guru mentor. Setiap pasukan akan bersaing di Peringkat Awal untuk menjawab kuiz dalam talian yang menguji pemahaman mereka tentang pelbagai topik berkaitan sains termasuk biologi, fizik, kimia, serta matematik. Seterusnya, lima pasukan terbaik dari semua negeri akan dipilih ke Peringkat Negeri di mana mereka perlu mendemonstrasikan kemahiran komunikasi mereka melalui sesi *pitching* secara spontan. Memasuki peringkat Separuh Akhir, 20 pasukan yang mara akan menyertai program STEMCAMP selama seminggu yang menampilkan pelbagai modul dan bimbingan mentor oleh pakar akademik dan industri bagi menghasilkan sebuah prototaip. Akhirnya, lima kumpulan dengan markah tertinggi akan berentap pada Peringkat Akhir dimana mereka akan dinilai dengan lebih teliti melalui kuiz sains dan pembentangan prototaip.

NSC tahun ini juga mendapat sokongan padu daripada rakan kongsi strategik Young Scientists Network-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Sasbadi Online Sdn Bhd. Pautan pendaftaran dan maklumat lanjut berkenaan NSC 2024 boleh diakses di <https://www.akademisains.gov.my/2024-nsc/>

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

17 April 2024



Kit Media: <https://bit.ly/DaftarNSC2024>

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat, Akademi Sains Malaysia

Syakirah Nurizzati Mohamad Hood

syakirah.nurizzati@akademisains.gov.my

(+6017 678 0925)